



TEKS UCAPAN

YB PUAN LIM HUI LING

**TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

SEMPENA

**SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2026
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

TARIKH/TEMPAT/MASA

4 FEBRUARI 2026

AUDITORIUM MBSP, PULAU PINANG

9.00 PAGI

Selamat pagi, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Yang Berbahagia Dato' Hj Baderul Amin Bin Abdul Hamid,

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai,

Yang Berusaha Dr. Faridah Binti Awang,

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita,

Ahli - Ahli Dewan Udangan Negeri,

Wakil – Wakil Kementerian dan Agensi Peringkat Persekutuan,

Ketua Jabatan Peringkat Negeri,

Ahli Majlis & Pengarah Bahagian Majlis Bandaraya Seberang Perai,

Pengerusi & Wakil-Wakil NGO,

Serta Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian.

Saya amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama pada hari ini dalam Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026 Peringkat Negeri Pulau Pinang. Sambutan ini merupakan satu acara yang amat bermakna dalam usaha kita meraikan sumbangan wanita serta memperkukuh komitmen bersama terhadap agenda pemerkasaan wanita di negeri ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya rakamkan kepada Jabatan Pembangunan Wanita selaku penganjur sambutan ini. Penghargaan turut ditujukan kepada **YBhg. Dato' Hj Baderul Amin bin Abdul Hamid**, Datuk Bandar Bandaraya Seberang Perai selaku rakan

strategik dan penganjur bersama, atas kepimpinan serta sokongan berterusan dalam menjayakan program ini.

Komitmen Majlis Bandaraya Seberang Perai jelas mencerminkan peranan penting kerajaan tempatan dalam menyokong agenda pembangunan sosial yang inklusif dan progresif. Penghargaan juga dirakamkan kepada rakan strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sektor swasta, komuniti kreatif serta semua pihak yang berganding bahu menjayakan sambutan ini. Kehadiran para hadirin hari ini membuktikan bahawa pemerkasaan wanita bukan sekadar agenda kementerian, tetapi merupakan tanggungjawab bersama melalui pendekatan *Whole of Nation*.

Hadirin yang dihormati,

Tema Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026, “**Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara**”, mencerminkan keperluan usaha yang berfokus, berterusan dan inklusif melalui penambahbaikan dasar, program serta inisiatif yang memberi impak langsung kepada kehidupan wanita di semua peringkat.

Sambutan ini menjadi titik permulaan yang penting dalam memperteguh komitmen bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi merealisasikan agenda pemerkasaan wanita secara menyeluruh. Saya yakin sambutan ini akan menjadi pemangkin kepada usaha berterusan dalam memperkasa wanita, memperkukuh Ekonomi Ringgit serta menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang bertamadun.

Sambutan Hari Wanita merupakan platform penting untuk memastikan wanita terus diberi ruang dan peluang yang saksama dalam semua aspek kehidupan. Wanita hari ini bukan sekadar penerima manfaat

pembangunan, tetapi rakan strategik dalam memacu kemajuan ekonomi, kestabilan sosial dan kesejahteraan komuniti.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah wanita di Malaysia adalah seramai **16.2 juta orang** atau **47.5%** daripada keseluruhan penduduk negara. Di Pulau Pinang, anggaran penduduk wanita adalah seramai lebih **870 ribu** orang, iaitu hampir **49%** daripada keseluruhan penduduk negeri.

Pulau Pinang turut mencatatkan peningkatan kadar penyertaan tenaga kerja wanita yang memberangsangkan, iaitu **46.7%** pada 2022, **47.3%** pada 2023 dan meningkat kepada **57.6%** pada 2024. Statistik ini selari dengan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab industri, teknologi, pendidikan dan ekonomi kreatif, serta membuktikan bahawa kemajuan negeri ini tidak dapat dicapai tanpa penglibatan aktif golongan wanita.

Pulau Pinang juga telah melahirkan ramai wanita unggul dalam pelbagai bidang, termasuk kepimpinan, pendidikan, kebudayaan, keusahawanan sosial dan industri kreatif. Antaranya ialah Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sebagai Timbalan Perdana Menteri wanita pertama Malaysia.

Dalam bidang keusahawanan, Pulau Pinang turut menampilkan tokoh wanita seperti Puan Mila Jirin, usahawan selebriti yang memiliki rangkaian perniagaan Bizmilla serta terlibat aktif dalam pendigitalan perniagaan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Lim Siew Khim atas pelaksanaan Program Penang Women Entrepreneur Mentoring (PENMentor) yang menjadi asas kepada pembangunan kepimpinan, profesionalisme dan keusahawanan wanita di negeri ini.

Inisiatif ini selari dengan usaha Kerajaan dalam mencapai sasaran keberhasilan di bawah Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan

Pembangunan Wanita 2025–2030, khususnya dalam bidang keutamaan ekonomi.

Hadirin yang dihormati,

Seiring aspirasi Malaysia MADANI, wanita memainkan peranan penting dalam memacu **Ekonomi Jingga**, khususnya dalam industri kreatif, digital dan berasaskan komuniti. Ekonomi Jingga bukan sekadar mencerminkan kreativiti, tetapi turut membawa nilai tambah ekonomi, identiti budaya dan kelestarian sosial.

Kerajaan menyedari bahawa wanita, apabila diberikan ruang, sokongan dan ekosistem yang kondusif, mampu menjadi pemacu ekonomi yang mampan. Justeru, Kerajaan akan terus berperanan sebagai pemudah cara melalui penyediaan latihan kemahiran digital, akses pembiayaan, literasi pemasaran serta perlindungan sosial, dengan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, industri kreatif dan komuniti.

Walaupun pelbagai kemajuan telah dicapai, cabaran seperti keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan, kekangan akses ke tampuk kepimpinan serta keperluan sokongan bersasar masih perlu ditangani, terutamanya bagi wanita bandar, golongan berpendapatan rendah dan mereka dalam sektor ekonomi tidak formal.

Ekonomi penjagaan atau *care economy* dan sumbangan suri rumah merupakan asas penting kepada kesejahteraan keluarga dan masyarakat, namun peranan golongan ini kurang diberi perhatian dan pengiktirafan sewajarnya. Oleh itu, usaha memperkukuh program peningkatan kemahiran dan kemahiran semula perlu dipertingkatkan bagi

membolehkan wanita kembali menyertai pasaran kerja secara lebih produktif dan berdaya saing.

Sehubungan itu, sasaran untuk mencapai **60%** penyertaan wanita dalam tenaga kerja menjelang tahun 2033 bukan sekadar angka, tetapi merupakan satu seruan nasional yang menuntut sinergi dan komitmen semua pihak agar potensi wanita Malaysia dapat terus dimanfaatkan sepenuhnya.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pembangunan Wanita, Majlis Bandaraya Seberang Perai, Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta semua pihak yang terlibat. Semoga segala usaha dan inisiatif yang dilaksanakan ini memberi manfaat berpanjangan kepada wanita, keluarga dan masyarakat, serta menyumbang kepada pembinaan negara yang lebih adil, progresif dan sejahtera.

Bersama-sama kita, Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara.

Sekian, terima kasih.

YB PUAN LIM HUI LING

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

4 Februari 2025